



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

**PENGURUSAN PENGLIBATAN SUKARELAWAN TUNGGAK SESEBUAH
AKTIVITI MUZIUM : DEWAN TUN ABDUL RAZAK, SARAWAK**

MAYANG SUFINAH BINTI NORMAN

(30959)

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian

(Pengurusan seni)

2014

PENGURUSAN PENGLIBATAN SUKARELAWAN TUNGGAK SESEBUAH
AKTIVITI MUZIUM : DEWAN TUN ABDUL RAZAK, SARAWAK

MAYANG SUFINAH BINTI NORMAN

(30959)

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the8.....day of.....MAY.....2014.

Student's Declaration:

I MAYANG SUFINAH BINTI NORMAN, (30959) , FACULTY OF APPLIED & CREATIVE
(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare
that the work Entitled

PENGURUSAN PENGLIBATAN SUKARELAWAN TUNGGAK SESEBUAH AKTIVITI MUZIUM :

DEWAN TUN ABDUL RAZAK, SARAWAK

is my original work. I have not copied from any
other students' work or from any other sources except where due reference or
acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by
another person.

30 MAY 2014

Date submitted

MAYANG SUFINAH (30959)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I PROF. DATO' DR. HJ. HASHIM AWANG (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the
work PENGURUSAN PENGLIBATAN SUKARELAWAN TUNGGAK SESEBUAH AKTIVITI
entitled MUZIUM :DEWAN TUN ABDUL RAZAK, SARAWAK (TITLE) was prepared by the above
named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the
conferment of

APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT) (PLEASE INDICATE THE
DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's
work.

Received for examination by: PROF. DATO' DR. HJ. HASHIM AWANG Date: 30 MAY 2014
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____

(8 May 2014)

Supervisor signature:_____

(30 May 2014)

Current Address:

P.o. Box 59, kampung Simpang Empat, 91207, Kunak, Sabah.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek **Pengurusan Penglibatan Sukarelawan Tunggak Sesebuah Aktiviti Muzium : Dewan Tun Abdul Razak, Sarawak** telah disediakan oleh **Mayang Sufinah binti Norman** dan diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Keputjian. (**Pengurusan Seni**)

Diterima dan diperiksa oleh:

(Prof. Dato' Dr. Hj. Hashim Awang)

Tarikh : 30 Mei 2014

PENGHARGAAN

Assalamualaikum & salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih kepada pihak Bahagian Perhubungan Awam di Jabatan Muzium Sarawak (JMS) yang telah banyak memberikan bantuan dalam menyumbangkan maklumat dan bahan rujukan kepada saya bagi menyempurnakan Projek Tahun Akhir ini dengan jayanya.

Di samping itu, jutaan terima kasih juga kepada pensyarah selaku penyelia saya iaitu Profesor Datuk Doktor Haji Hashim Awang yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya dalam melaksanakan projek ini dengan cemerlangnya. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah program Pengurusan Seni yang mendidik saya sehingga berjaya dalam pembelajaran dan menghasilkan sebuah tesis yang lengkap.

Selain itu, tidak ketinggalan juga kepada ibu bapa iaitu Saudara Norman bin Mydin dan saudari Malau binti Palman yang menjadi pemangkin semangat untuk saya meneruskan projek ini dan selalu mendoakan agar saya menjadi seorang insan yang berguna dan mempunyai pencapaian yang terbaik dalam hidup ini.

ABSTRAK

Kajian ini berkaitan dengan pengurusan sukarelawan di muzium Dewan Tun Abdul Razak. Kajian memfokuskan bagaimana pihak muzium mendapatkan tenaga sukarelawan serta penyaluran tenaga sukarelawan dalam menjayakan aktiviti yang dianjurkan oleh muzium. Kajian yang dijalankan melihat kecenderungan sukarelawan muzium dalam menguruskan aktiviti yang dilaksanakan. Kajian mengenai pengurusan sukarelawan dilihat dari aspek pengurusan aktiviti, faktor mempengaruhi sukarelawan dalam menyertai keahlian kesukarelawanan dan usaha pihak muzium mendapatkan sukarelawan muzium daripada masyarakat di sekitar daerah tersebut.

ABSTRACT

This study is related to the management of volunteers in Dewan Tun Abdul Razak museum. The research focuses on how the museum get volunteers for contribute their energy and time for delivery of successful activities organized by the museum. The studies conducted to see the tendency museum volunteers in managing the activities undertaken. Studies on management from the perspective of the management of activities, factors influenced volunteerism in joining membership and the efforts of the museum of get community for member of museum volunteers.

KANDUNGAN

BORANG PENGESAHAN TESIS

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
KANDUNGAN	v

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB I : PENGENALAN

Pengenalan.....	1
Latar Belakang Kajian	
Sejarah Muzium Sarawak.....	2
Muzium Dewan Tun Abdul Razak.....	3
Unit Sukarelawan Muzium.....	5
Lokasi Kajian.....	6
Permasalahan dan Persoalan Kajian	8
Objektif Kajian.....	9

Kerangka Konsep	
Teori Pengurusan (<i>Management Theory</i>).....	11
Sukarelawan (<i>Volunteer</i>).....	12
Muzium (<i>museum</i>).....	13
Signifikan Kajian.....	14
Rumusan	15

BAB II : KUPASAN KEPUSTAKAAN

Pengenalan	
Kupasan Inti Pati Sukarelawan	16
Rumusan.....	21

BAB III : METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan	
Reka Bentuk Kajian.....	22
Kaedah Pengumpulan Data.....	23
Kaedah Analisis Data	
Teori Kawakita Jiro.....	28
Proses analisis Data Primer dan Sekunder.....	29
Rumusan	32

BAB IV : ANALISIS DATA DAN PENEMUAN

Pengenalan

Analisa Data.....	33
-------------------	----

Penemuan kajian

Usaha Pihak Muzium mendapatkan sukarelawan.....	36
---	----

Tugas sukarelawan dalam pelbagai jenis aktiviti yang dianjurkan.....	38
--	----

Pengaruh orang awam menyertai sukarelawan muzium.....	40
---	----

Rumusan	42
---------------	----

BAB V : PERBINCANGAN, CADANGAN & KESIMPULAN

Pengenalan

Perbincangan.....	43
-------------------	----

Cadangan.....	44
---------------	----

Kesimpulan.....	46
-----------------	----

RUJUKAN.....	47
--------------	----

LAMPIRAN

Lampiran 1 : Contoh Soalan Temuramah.....	51
---	----

Lampiran 2 : Contoh Surat Kebenaran Kajian Lapangan.....	52
--	----

Lampiran 3 : Contoh Borang Pendaftaran Sukarelawan Muzium (H.1 & 2).....	53
--	----

Lampiran 4 : En.Marc Stingray (infomer) Jabatan Muzium Sarawak.....	55
---	----

SENARAI PETA

Peta 1 : Muzium Dewan Tun Abdul Razak Sarawak.....	7
--	---

SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Permasalahan, Persoalan & Objektif kajian.....	10
---	----

SENARAI CARTA

Carta 1 : Organisasi muzium Tun Abul Razak, Kuching Sarawak.....	4
--	---

SENARAI RAJAH

Rajah 1 : Peralihan Kad Mengikut Klasifikasi (<i>Moving Cards</i>).....	28
---	----

Rajah 2 : Kaedah Proses Penganalisan Data Primer.....	30
---	----

Rajah 3 : Kaedah Proses Penganalisan Data Sekunder.....	31
---	----

Rajah 4 : Idea Secara Rawak (<i>Random ideas</i>).....	34
--	----

Rajah 5 : Rajah Affiniti (<i>Affinity Diagram</i>).....	35
---	----

BAB I : PENGENALAN

Pengenalan

Dalam sesebuah institusi muzium, pelbagai perbadanan yang bertugas dalam lingkungan organisasi yang besar termasuklah sukarelawan muzium. Sukarelawan muzium amat penting dalam sesebuah organisasi muzium. Hal ini demikian kerana sukarelawan adalah seseorang yang melaksanakan tugas tanpa bayaran. Di samping itu, sukarelawan hanya menginginkan pengalaman dan pengetahuan daripada kegiatan muzium itu.

Sukarelawan muzium adalah pihak luar yang menyertai untuk membantu pihak muzium mengendalikan sesebuah barangan di muzium. Pengkaji turut menekankan mengenai pengurusan dan peranan sukarelawan dalam melaksanakan tugas di Muzium Sarawak. Penglibatan sukarelawan adalah amat penting oleh pihak muzium terutamanya apabila golongan belia ingin menjadi sukarelawan di sesebuah muzium.

Di samping itu, pengkaji telah mengetengahkan aspek kegiatan sukarelawan yang dilaksanakan di Dewan Tun Abdul Razak. Senarai kegiatan yang pernah dijalankan banyak memberi manfaat kepada kanak-kanak dan masyarakat. Tambahan pula, kegiatan ini secara tidak langsung dapat menarik orang awam bahkan juga pelancong dari luar negara. Oleh itu, pengkaji memilih tajuk kajian yang tepat dalam membuat penyelidikan berkaitan sukarelawan muzium tersebut.

Latar Belakang Kajian

Sejarah Muzium Sarawak

Pada tahun 1855, kedatangan Alfred Rusell Wallace ke Sarawak telah melahirkan minat mendalam oleh raja kedua iaitu Sir Charles brooke untuk membuka muzium berkaitan sejarah Sarawak pada tahun 1878. Namun, 10 tahun kemudian, pembinaan muzium yang lengkap sebahagiannya kerana terpengaruh oleh seorang ahli kaji haiwan dan tumbuhan yang terkenal. Pada tahun 1911, bangunan ini telah diperbesar kepada bentuk yang ada pada hari ini.

Muzium tersebut telah menerima pengiktirafan peringkat Antarabangsa semasa Sarawak mencapai Kemerdekaan pada tahun 1963 dan menjadi terkenal sebagai pusat pengajian tinggi dan pusat penyelidikan antabangsa. Pada tahun 1973, penubuhan rasmi Dewan Tun Abdul Razak oleh Perdana Menteri Malaysia sempena 10 tahun Sarawak merdeka. Muzium tersebut dinamakan bersempena nama beliau dan banyak mempamerkan barangan pusaka etnik serta sejarah negeri Sarawak kepada pengunjung yang datang.

Muzium sarawak merupakan gedung khazanah yang sangat bernilai. Terdapat pelbagai penyimpanan koleksi dan buku-buku mengenai sejarah Sarawak, sejarah tradisi dan kepercayaan masyarakat yang berbilang kaum. Muzium Sarawak mempunyai beberapa buah bangunan muzium lain yang unik dan berada di bawah naungannya. Terdapat 12 buah muzium yang telah diiktiraf secara rasmi sebagai muzium daerah, antaranya ialah Muzium Warisan Islam, Dewan Tun Abdul Razak, Muzium Etnologi, Muzium Seni, Muzium Sejarah Semulajadi, Muzium Tekstil, Muzium Sejarah Cina, Kubu

Margherita, Muzium Ptroleum, Muzium Arkeologi Niah, Muzium Wilayah Baram, dan Muzium Wilayah Limbang. (Karim Seliman, Jan-Apr 1997)

Muzium Dewan Tun Abdul Razak

Dalam kajian ini, pengkaji telah menspesifikkan hasil kajian yang tertumpu kepada muzium Dewan Tun Abdul Razak. Pada tahun 1973, dewan ini telah ditubuhkan dan dikenali sebagai Dewan Undangan Negeri dan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia kedua iaitu Tun Abdul Razak. Pada tahun 1982, dewan ini telah dijadikan galeri pameran Jabatan Muzium Sarawak. Dewan ini menempatkan beberapa bahagian yang penting iaitu Pejabat Pentadbiran, siri pameran sementara, kedai cenderamata, kafeteria dan pusat aktiviti. Pengumpulan koleksi yang dipamerkan seperti item tembikar tanah dan seramik, sejarah dan demografi masyarakat di Sarawak.



Carta 1 : Organisasi muzium Tun Abul Razak, Kuching Sarawak (2014)

Sumber : Laman Rasmi Muzium Tun Abdul Razak

Unit Sukarelawan Muzium

Pasukan sukarelawan telah ditubuhkan secara rasminya di Muzium Negara pada 19 April 2007. Pasukan sukarelawan merupakan ahli-ahli yang berkhidmat secara sukarela tanpa mendapat sebarang ganjaran atau berbentuk wang. Unit sukarelawan Muzium telah ditubuhkan oleh Jabatan Muzium Malaysia dan kegiatan bagi menyelaraskan dan membantu sukarelawan dalam aktiviti seharian yang dijalankan.

Namun, aktiviti muzium dijalankan secara percuma seperti lawatan berpandu kepada pengunjung dengan penerangan mengenai pameran tetap dan sementara di muzium. Tujuan utama sukarelawan muzium ditubuhkan adalah untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai muzium serta memberikan penghargaan dan pemahaman mengenai budaya Malaysia.

Dalam sesebuah badan organisasi, terdapat unit sukarelawan yang wujud dan meliputi bidang yang luas kerana setiap peranan sukarelawan bergantung kepada sesebuah institusi pentadbiran tersebut. Namun begitu, sukarelawan yang dikaji adalah berkaitan dengan sukarelawan muzium kerana pengkaji menjalankan penyelidikan seiring dengan tajuk kajian.


Menurut Miller.S (1991), dasar penggubalan mengenai penglibatan sukarela adalah penting untuk semua muzium. Sukarelawan adalah sebahagian sumber yang berharga dalam menguruskan muzium. Pengiktirafan kesahihan aktiviti sukarelawan muzium sebagai aspek utama dalam peruntukan muzium di United Kingdom yang diberikan oleh Skim Pendaftaran Muzium.

Lokasi Kajian

Pengkaji telah memilih lokasi kajian di Kuching, Sarawak iaitu Dewan Tun Abdul Razak. Kajian yang dikaji adalah sesuai dengan lokasi yang dipilih. Hal ini demikian kerana kajian yang dilaksanakan menepati objektif penyelidikan mengenai pengurusan sukarelawan muzium. Di samping itu, pengkaji memilih lokasi berikut kerana dewan muzium mempunyai bahagian pentadbiran yang mana dapatan kajian diperolehi. Oleh itu, pengkaji dapat membuat penyelidikan dan temu ramah terhadap pegawai pentadbiran bahagian kordinator sukarelawan.

Selain itu, lokasi dipilih berdasarkan jarak kawasan penyelidikan yang tidak jauh daripada tempat pengkaji. Dewan Tun Abdul Razak berada di sekitar daerah Kuching dan menyenangkan pengkaji untuk berulang-alik menyiapkan penyelidikan tersebut. Tambahan lagi, lokasi tersebut sesuai dengan penyelidikan pengkaji yang mengkaji tentang sukarelawan muzium. Terdapat banyak maklumat yang diperolehi oleh pegawai yang bertugas di dalam muzium itu.oleh itu, persoalan yang ditimbulkan akan terjawab dengan jelas dan nyata.

Selain itu, kajian dibuat berdasarkan Pusat Khidmat Maklumat Akedemik (PKMA) di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Pengkaji mencari maklumat yang berkaitan dengan kajian sukarelawan muzium dan memberi khidmat rujukan serta sumber ilmu kepada penyelidik.



Peta 1 : Muzium Dewan Tun Abdul Razak, Sarawak

Sumber: Risalah Muzium Sarawak (2 Nov 2013).

Permasalahan dan Persoalan Kajian

Sesebuah muzium yang berjaya harus mempunyai kekuatan organisasinya dalam menjalankan program yang dirancang. Program yang dianjurkan tidak akan berjaya tanpa adanya bantuan daripada ahli sukarelawan. Hal ini demikian kerana pihak muzium amat bergantung kepada sukarelawan dalam menjalankan kegiatan yang dianjurkan. Namun begitu, bukannya perkara yang mudah dalam mencari ahli sukarelawan yang ingin menghulurkan bantuan tenaga dan masa. Oleh itu, bagaimana usaha pihak muzium mendapatkan sukarelawan di sesebuah muzium itu.

Dalam pada itu, terdapat banyak kegiatan aktiviti yang dianjurkan di muzium. Aktiviti yang dianjurkan semestinya yang besar-besaran kerana melibatkan tenaga yang banyak. Namun begitu, kekaburan peranan sukarelawan menjalankan aktiviti yang dianjurkan tidak begitu jelas. Justeru itu, apakah tugas sukarelawan sesebuah aktiviti yang dijayakan bagi membantu pihak muzium menjalankan kegiatan yang diadakan.

Terdapat juga sukarelawan yang berhasrat ingin menjadi ahli sukarelawan dalam membantu pihak muzium menjalankan tugas yang diberikan. Di samping itu, terdapat juga orang awam yang hanya mengikuti kesukarelawan ini sebagai mengisi masa lapang sahaja, namun ada juga yang mengikuti rakan-rakan secara bersahaja. Hal ini demikian kerana faktor yang menjadi pengaruh yang besar terhadap diri dan persekitaran mereka. oleh itu apakah faktor atau sebab orang awam ingin menjadi sukarelawan.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti usaha pihak muzium mendapatkan sukarelawan di sesebuah muzium.

Pengkaji ingin mengetahui cara atau kaedah yang digunakan dalam mendapatkan sukarelawan di muzium tersebut. Sukarelawan adalah aset yang penting dalam membantu kerjasama yang erat daripada pihak muzium. Pengkaji menyusuri tentang langkah-langkah pihak muzium dalam mencari sukarelawan mengikut kaedah yang dilaksanakan.

2. Mengkaji peranan sukarelawan berdasarkan jenis aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak muzium.

Pengkaji mengkaji setiap tugas dan tanggungjawab yang diberikan oleh sukarelawan muzium mengikut aktiviti yang dianjurkan. Selain itu, aktiviti yang dianjurkan juga mempengaruhi tugas sukarelawan.

3. Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi orang awam melibatkan diri dalam sukarelawan .

Dalam kajian ini, pengkaji mengenal pasti sebab orang awam ingin menjadi ahli sukarelawan. Pengkaji mendapatkan maklumat daripada pihak muzium kerana terdapat juga kakitangan muzium yang menjadi sebahagian daripada sukarelawan.

Permasalahan kajian	Persoalan kajian	Objektif kajian
Penglibatan sukarelawan muzium kurang disertai menimbulkan kerumitan oleh pihak muzium untuk mendapatkan sukarelawan	Apakah usaha yang dilakukan oleh pihak muzium dalam mendapatkan sukarelawan ini?	Mengenal pasti usaha pihak muzium mendapatkan sukarelawan disesebuah muzium.
Kekaburan dalam mengetahui tugas sukarelawan dalam pelbagai jenis aktiviti yang dianjurkan oleh pihak muzium	Apakah tugas sukarelawan sesebuah aktiviti yang dijayakan bagi membantu pihak muzium menjalankan kegiatan yang diadakan.	Mengkaji tugas sukarelawan berdasarkan jenis aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak muzium
Terdapat juga orang awam yang hanya mengikuti kesukarelawan ini sebagai mengisi masa lapang sahaja, namun ada juga yang mengikuti rakan-rakan secara bersahaja.	Apakah faktor atau sebab orang awam ingin menjadi sukarelawan.	Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi orang awam melibatkan diri dalam sukarelawan

Jadual 1 : Permasalahan, Persoalan dan Objektif kajian

Sumber: Mayang sufinah (8 April 2014)

Kerangka Konsep

Pengkaji meletakkan kajian ini dalam sesebuah teori yang melibatkan pengurusan. Hal ini kerana pengkaji mengkaji tentang penglibatan sukarelawan dari segi konsep pengurusan. Pengkaji ingin membuat perbandingan mengenai teori yang selari dengan objektif yang dipilih.

Teori Pengurusan (*management Theory*)

Frederick Winslow Taylor

Mengikut Taylor (1911), dalam bukunya *The Principles of Scientific Management*, pengurusan berdasarkan elemen pemerhatian, pengukuran, analisis, dan pembaharuan kaedah kerja serta insentif ekonomi (Mohd Sapuan salit,2003).

James A.F Stoner & Charles

Mendefinisikan makna 'pengurusan itu adalah proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan pengawalan dalam usaha anggota organisasi dan menggunakan sumber-sumber lain dalam organisasi yang ditetapkan. (Mohammad Fauzi,2008).

Mary Parker Follet

Menurut Follet (1868-1933), menyatakan bahawa pengurusan merupakan sebagai seni dalam mencapai sesuatu melalui orang lain.

Dalam ketiga-tiga teori yang dikemukakan, pengkaji mengkaitkan dengan kajiannya bahawa teori yang sesuai digunakan adalah teori James A.F stoner & Charles.

Hal ini demikian kerana kajian pengkaji selari dengan konsep pengurusan yang menghuraikan tentang proses perancangan, kepimpinan dan pengawalan dalam membentuk suatu kerjasama sukarelawan yang mantap.

Dalam kajian ini, konteks pengurusan yang dimaksudkan adalah perancangan dan pelaksanaan yang dilakukan oleh pihak muzium dalam menguruskan penglibatan sukarelawan muzium agar aktiviti yang diadakan akan berjaya apabila terdapat peningkatan sukarelawan yang bergiat aktif dalam kesukarelawan ini.

Sukarelawan (Volunteer)

Sukarelawan boleh ditakrifkan sebagai seseorang yang mempunyai minat dan terlibat dalam sesuatu kegiatan sukarela. Sukarelawan juga turut menyumbangkan tenaga, kemahiran, pengalaman dan pengetahuan. Kerja sukarela dapat diertikan sebagai kegiatan yang dilakukan dengan hati yang ikhlas tanpa adanya paksaan daripada mana-mana pihak dan memberi khidmat tanpa mengharapkan ganjaran atau balasan berbentuk wang atau material, dan memberi manfaat kepada golongan masyarakat. (Azizan, 2009).

Menurut Jabatan Kebajikan Malaysia (2012), Sukarelawan adalah seseorang yang berbakti atau memberi khidmat dan sumbangan secara sukarela dengan mempunyai ciri-ciri seperti tanpa paksaan, rela hati, ikhlas dan tanpa mengharapkan ganjaran material. sukarelawan dalam konteks kebajikan masyarakat adalah seseorang yang terlibat dalam membantu pihak kebajikan melakukan kerja-kerja yang berfaedah.

Melalui konteks *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*, UNESCO (1992), pula, sukarelawan adalah seseorang yang bekerja tanpa adanya balasan